



## TOKOH TAMADUN ISLAM SULTAN MUHAMMAD AL-FATIH DIPANDANG DARI SUDUT PERSONALITI

*Nor Asmawati Ismail<sup>1</sup>, Najihah Abd Wahid<sup>2</sup>, Noradilah Abdul Wahab<sup>3</sup> & Norliana Abd Majid<sup>4</sup>*  
[asmawati730122@gmail.com](mailto:asmawati730122@gmail.com), [anajihah@unisza.edu.my](mailto:anajihah@unisza.edu.my)

<sup>1,3</sup> Fakulti Pengajian Kontemporari Islam

<sup>2</sup> Institut Penyelidikan Produk dan Ketamadunan Islam

<sup>4</sup> Fakulti Perniagaan dan Pengurusan

Universiti Sultan Zainal Abidin

---

### ABSTRAK

Kajian-kajian lepas mengenai Sultan Muhammad Al-Fatih difokuskan dalam aspek peradaban, kepimpinan, sosiologi, sejarah hidup dan perluasan kuasa. Amat sedikit kajian difokuskan dalam aspek personaliti Sultan Muhammad Al-Fatih, sedangkan kepentingan kajian berkaitan personaliti juga perlu diambil perhatian memandangkan baginda merupakan seorang tokoh yang disebut oleh Rasulullah SAW sejak 800 tahun yang lalu. Tentu sekali seseorang yang disebut oleh Rasulullah merupakan seorang tokoh yang mempunyai personaliti unggul dan perlu diteladani oleh umat Islam. Justeru kajian ini bertujuan mengkaji personaliti yang dimiliki oleh penakluk kota Konstantinopel iaitu Sultan Muhammad Al-Fatih. Kajian ini adalah kajian kualitatif dengan menggunakan pendekatan analisis kandungan sebagai metodologi kajian. Dapatan menunjukkan ciri-ciri personaliti yang ada pada Sultan Muhammad Al-Fatih ialah seorang yang beriman dan bertaqwa kepada Allah SWT, bijak dalam mengatur strategi peperangan, bersemangat waja dan tidak mudah berputus asa, bertoleransi dan bersikap menghormati serta mempunyai sikap tawaduk. Justeru, kertas kerja ini mencadangkan agar personaliti unggul yang dimiliki oleh Sultan Muhammad al-Fatih perlu diteladani oleh seluruh ummah khususnya para pemimpin negara dan golongan muda, pembina generasi pada masa akan datang.

**Kata kunci:** Tamaddun Islam, Sultan Muhammad Al-Fatih, Personaliti

---

### Pengenalan

Tamadun Islam merupakan tamadun yang mengutamakan kemajuan dari segi kerohanian dan bergerak seiring dengan kemajuan kebendaan. Sejarah telah membuktikan bahawa pelbagai bangsa seperti bangsa Arab, Turki, Parsi, India dan sebagainya telah membina sebuah tamadun Islam yang ulung. Bandar-bandar ternama seperti Madinah (Arab Saudi), Iskandariah (Mesir), Baghdad (Iraq) dan Cordova (Sepanyol) merupakan pusat perkembangan tamadun Islam. Selain daripada itu,

Istanbul (Turki) juga merupakan pusat tamadun Islam selepas berjaya di takluk oleh Sultan Muhammad II atau lebih dikenali sebagai Sultan Muhammad al-Fatih. Sebelum penaklukan oleh Sultan Muhammad al-Fatih, Istanbul dikenali sebagai Konstantinopel iaitu sebuah kota yang diasaskan oleh Maharaja Konstantin I pada tahun 330M, iaitu 200 tahun sebelum keputeraan Nabi Muhammad SAW. Walau bagaimanapun, kota ini dikatakan telah wujud sejak zaman empayar Parsi dan zaman Alexander Agung lagi, iaitu sekitar 667 tahun sebelum Masihi (Najmuddin, 2011). Negara ini memecah kekuasaan Romawi, menjadikan Romawi Timur dan Romawi Barat. Romawi Barat berpusat di Vatican City dan menjadi pusat penyebaran agama Kristian Katolik, manakala Romawi Timur berpusat di Konstantinopel dan menjadi pusat agama Kristian Ortodoks. Selepas 11 abad kerajaan Rom berkuasa ke atas Konstantinopel, akhirnya negara tersebut dikuasai oleh Islam selepas tentera-tentera Islam di bawah kepimpinan Sultan Muhammad al-Fatih berjaya menakluknya (Windianto, Marwoto & Kamaruddin, 2013).

### **Maksud Tamadun**

Terdapat empat istilah dalam bahasa Arab yang membincangkan perkataan tamadun iaitu 'umran', 'hadharah', 'madaniyyah' dan 'tamadun'. 'Umran' merupakan kata terbitan daripada kata dasar 'amara' iaitu kawasan tanah yang didiami, berkembang subur lagi makmur dan tinggal tetap. Manakala 'hadharah' pula bermaksud suatu daerah, wilayah, kampung, bandar atau tanah yang diusahakan. Secara lebih jelas, 'hadharah' bermaksud kehidupan yang berteraskan bidang perindustrian dan perniagaan. 'Madaniyyah' pula diambil daripada perkataan Arab iaitu 'Madinah' yang membawa maksud membina, mendirikan bandar, beradab, memiliki sifat kemanusiaan, ketinggian akhlak dan berbudi pekerti mulia. Perkataan 'tamadun' pula membawa makna peradaban, kebudayaan dan kemajuan. Arnold Toynbee mendefinisikan tamadun ialah kebudayaan yang berkembang di dalam sesebuah kota, dan satu kumpulan pemikiran dari pelbagai manifestasi, serta gaya kebudayaan yang membentuk institusi politik, agama, moral dan kesusasteraan (Arnold, 1972). Syed Naquib al-Attas mendefinisikan tamadun sebagai keadaan manusia yang hidup bermasyarakat dan mencapai tata susila serta kebudayaan yang luhur (Syed Naquib al-Attas (1977)).

Berdasarkan definisi yang dijelaskan dapatlah dibuat kesimpulan bahawa tamadun adalah kemajuan dan peradaban dalam aspek fizikal, material, spiritual yang wujud dalam sesebuah masyarakat.

### **Konsep Tamadun Islam**

Para intelektual telah membahaskan konsep tamaddun Islam dengan panjang lebar. Sarjana-sarjana Islam menjelaskan konsep tamadun Islam adalah dilihat daripada sesebuah masyarakat yang berjaya menjadi ikon kepada umat manusia seluruhnya dalam aspek pembangunan jasmani dan yang lebih penting pembinaan modal insan yang sepadu (al-Ghazali, 1999). Ibn Khaldun seorang ilmuan ketamadunan berpendapat bahawa tamadun merupakan puncak pembangunan yang menggambarkan ciri-ciri kemewahan hidup dan mencapai tahap kemajuan dalam pelbagai aspek kehidupan (Ibn Khaldun, 2001). Muhammad Abduh pula mengutarakan pendapatnya bahawa tamadun Islam adalah sebuah pembangunan dan kemajuan yang mencakupi bidang akidah, syariah dan akhlak secara berhubungan antara satu sama lain. Seterusnya Syed Qutb seorang pemikir Islam berpandangan tamadun ialah segala bentuk kemajuan yang dilaksanakan oleh sesebuah masyarakat baik dalam bidang politik, kebudayaan, keilmuan dan sistem sosial berlandaskan syariat Islam. Manakala Ismail al-Faruqi menjelaskan bahawa tamadun Islam perlu berlandaskan ketauhidan kepada Allah SWT kerana ia akan membentuk cara berfikir dan bertingkah laku. Muhammad Asad pula memperkatakan tamadun Islam harus berideologikan al-Quran kerana al-Quran adalah sumber ideologi utama sesebuah tamadun.

Jelaslah bahawa konsep tamadun Islam yang dibawa oleh tokoh-tokoh terkemuka dunia disimpulkan sebagai kemajuan dan peradaban berteraskan ciri-ciri Islamik yang dibina oleh masyarakat Islam mencakupi pelbagai aspek kehidupan baik dari segi material, spiritual dan intelektual.

### **Maksud dan Konsep Personaliti**

Personaliti merujuk kepada perkataan Arab 'sahsiah' atau 'akhlak' yang dimiliki oleh seseorang. Perkataan akhlak membawa maksud budi pekerti, perangai, tingkah laku dan adat kebiasaan (Rohizan et al., 2012). Personaliti juga merujuk kepada suatu situasi iaitu disposisi atau perkara yang terlahir dalam diri (al-Nafs) seseorang manusia. Situasi

tersebut merupakan dimensi rohaniah yang sangat penting kerana personaliti menjadi punca kepada semua perbuatan yang dilakukan oleh manusia (Mohd Nasir, 2005). Pembentukan personaliti individu bukan sahaja kesan daripada peristiwa yang berlaku semasa zaman kanak-kanak, tetapi juga ramalan itu merupakan kejadian ataupun aspirasi pada masa hadapan (Shahabuddin & Rohizani, 2007). Personaliti juga boleh ditakrifkan sebagai semua tingkah laku yang tersendiri dan unik untuk setiap individu (Mutiara Dewi Sari, 2016), perkara abstrak untuk diekspresikan dan merupakan satu perkataan yang sering digunakan apabila menggambarkan diri sendiri dan orang lain (Mohammad Ghozali & Nor 'Azzah, 2015). Personaliti merupakan aspek penting dalam kehidupan seseorang (Nursuhada & Kamariah, 2017).

Menurut perspektif Islam, personaliti merujuk kepada setiap tingkah laku yang ditonjolkan oleh seseorang individu muslim mengikut kesesuaian dan ketepatan syariah (Mohammad Ghozali & Nor 'Azzah, 2015). Manakala dari segi tasawur (*world view*), sarjana-sarjana Islam melihat konsep personaliti melibatkan hubungan sesama manusia (horizontal) dan hubungan manusia dengan Tuhan. Dari segi epistemologi pula, konsep personaliti yang dibawa oleh sarjana Islam harus bersumberkan ilmu wahyu (Mutiara Dewi Sari, 2016). Justeru, pandangan sarjana Islam seperti al-Ghazali perlu dijadikan rujukan utama dalam proses mengenali personaliti manusia (Fariza, Salasiah Hanin & Mohd Jurari, 2013) kerana ia bersumberkan al-Quran, al-Hadith, qiyas dan ijmak ulamak lebih-lebih lagi untuk mengenali personaliti muslim (Mutiara Dewi Sari, 2016).

Berdasarkan kajian-kajian lepas, dapatlah dibuat kesimpulan bahawa personaliti dari perspektif Islam adalah segala bentuk tingkah laku, akhlak, budi pekerti, perangai, perkara yang dizahirkan oleh seseorang kesan daripada batiniyah dan melibatkan hubungan manusia dengan manusia dan hubungan manusia dengan Tuhan berpaksikan al-Quran, al-Hadis, qias dan ijmak ulamak.

### **Biodata Sultan Muhammad Al-Fatih**

Nama sebenarnya ialah Muhammad bin Murad bin Beyazid, dilahirkan di Erdirne (Adrianopol; terletak antara Turki-Bulgaria) iaitu ibu kota kerajaan Uthmaniyyah pada ketika itu. Baginda dilahirkan pada 27 Rejab 835H bersamaan 29 Mac 1432. Ibunya bernama Huma Hatun dan baginda merupakan Sultan ke-7 daripada kerajaan

Usmaniyyah. Baginda bijak dalam ilmu-ilmu keagamaan seperti ilmu falak dan mantik, serta hebat dalam bidang akademik seperti geografi dan matematik serta pakar dalam bidang ketenteraan termasuklah ilmu memanah dan strategi peperangan. Selain daripada itu, baginda cekap dalam bidang bahasa serta menguasai tujuh bahasa seperti bahasa Turki, Greek, Hebrew, Arab, Parsi, Serbia dan Latin (Nor'Azzah, 2011). Sewaktu baginda masih kecil, baginda menuntut ilmu daripada Sheikh Syamsuddin Al-Wali (Mehmet Maksudoğlu, 1999) dan Syeikh Muhammad Ismail Al-Karuni. Syeikh Syamsuddin Al-Wali juga merupakan penasihat agama ketika Sultan Muhammad Al-Fatih menjadi raja.

Baginda ditabalkan menjadi khalifah pada 5 Muharam 855H bersamaan 7 Februari 1451 ketika berusia 19 tahun. Sepanjang baginda memerintah selama 30 tahun, sebanyak 25 buah negara yang berjaya takluki. Antaranya Serbia (1460), Bosnia (1462), Italia, Hungary dan Jerman. Namun penaklukan terbesar yang pernah dilakukan oleh baginda dalam sejarah ketamadunan Islam adalah menakluk kota Konstantinopel, sebuah kota besar yang telah diperintah oleh Dinasti Rom selama 11 abad. Selepas berjaya menakluk kota Konstantinopel (kini Istanbul) pada tahun 1453, baginda dikenali sebagai Sultan Muhammad Al-Fatih (Mursi, 2008).

### **Sultan Muhammad al-Fatih dipandang dari sudut Personaliti**

Hasil analisis daripada kajian-kajian lepas didapati ramai tokoh Islam yang berjaya membina tamadun Islam sehingga Islam menjadi kuat di mata dunia, dan sudah pasti tokoh tamadun Islam yang pertama adalah Nabi Muhammad SAW. Tokoh-tokoh tamadun Islam ini telah memberikan sumbangan berharga dalam pelbagai bidang seperti bidang perubatan oleh Abu Ali al-Husain bin Abd Allah bin Sina – 429H / 1037M atau lebih dikenali sebagai Ibn Sina (Zulhilmi, Syed Najihuddin & Nidzamuddin, 2008), Ibn Haytham dan Ya'qub bin Akhi Hizam. Dalam bidang matematik pula tersohor tokoh-tokoh seperti Muhammad bin Musa al-Khawarizmi, Abu Yusuf Ya'qub bin Ishaq al-Kindi dan Abu Bakr Muhammad al-Hussain al-Karkhi. Manakala pengaruh ideologi tokoh-tokoh falsafah Islam pula turut membariskan nama seperti Ibn Rusy, Ibn Tufail, Ibn Bajjah, Ibn Tufail dan Ibn Hazm. Al-Biruni terkenal dalam bidang astronomi dan mengkaji cabang ilmu alam di langit seperti bintang, galaksi dan planet. Selain daripada itu, Sultan Salahuddin al-Ayubi juga merupakan seorang tokoh tamadun Islam kerana

ketangkasannya dalam bidang ketenteraan dan merupakan pembebas Baitul Maqdis, Palestin (Mohd Roslan & Nor Shakila, 2012). Namun, dalam artikel ini kajian dikhususkan kepada seorang lagi tokoh terkemuka iaitu Sultan Muhammad al-Fatih, dianalisis dari sudut personaliti.

Ketika menggali parit dalam peperangan Khandaq, Nabi SAW bersabda; maksudnya: “Kota Konstantinopel akan jatuh ke tangan tentera Islam. Rajanya adalah sebaik-baik raja, tenteranya adalah sebaik-baik tentera” (HR Imam Ahmad). Justeru, pemimpin-pemimpin Islam mula berlumba-lumba untuk membebaskan Konstantinople daripada belunggu dinasti Rom. Usaha penaklukan ini sebenarnya bermula sejak zaman Khulafa Ar-Rashidin, kerajaan Umayyah dan kerajaan Abasiyyah, seperti cubaan penaklukan yang pernah dilakukan oleh Saidina Ali bin Abi Talib (khalifah ar-Rashidin yang ke-4) pada tahun ke-34 hijrah, khalifah Muawiyah (84 hijrah), khalifah Harun ar-Rashid (165 hijrah) dan akhir sekali penaklukan yang dilakukan oleh Sultan Murad (ayahanda kepada Sultan Muhammad al-Fatih) pada tahun 825 hijrah, tetapi semua usaha penaklukan menemui kegagalan (Najmuddin, 2011). Bukan sahaja penaklukan yang pernah dilakukan oleh tentera Islam, bahkan bangsa Ghotik, Parsi, Perancis dan Rusia pernah cuba untuk menakluk kota Konstantinopel tetapi gagal (Abdul Latip, 2012). Namun, setelah hampir 800 tahun berlalu, akhirnya Kota Konstantinople berjaya ditawan dan hadis Nabi SAW dapat direalisasikan. Konstantinopel telah berjaya ditakluk oleh Sultan Muhammad al-Fatih, khalifah ke-7 kerajaan Uthmaniyyah bersama tentera-tenteranya berjumlah 150,000 orang.

Oleh kerana sejarah hidup baginda bermula hampir 800 tahun sebelum kelahirannya kerana telah disebut oleh Nabi Muhammad SAW sebagai ‘sebaik-baik raja’, maka sudah tentu individu yang dimaksudkan oleh Nabi Muhammad SAW mempunyai personaliti yang hebat. Sememangnya apabila dikaji, Sultan Muhammad al-Fatih mempunyai personaliti yang unggul dan akhlak yang mulia sebagai seorang hamba kepada Khalik-Nya dan sebagai seorang raja kepada rakyatnya.

Personaliti yang hebat ini dilihat dalam aspek ketaqwaan dan keimanan yang teguh kepada perintah Allah SWT. Ini kerana sejak kecil lagi baginda mendapat bimbingan agama daripada ulama-ulama terkenal seperti Syeikh Syamsuddin al-Wali dan Syeikh

Muhammad Ismail al-Karuni . Baginda telah menghafal 30 juzuk al-Quran sejak dari kecil lagi, dan baginda tidak pernah meninggalkan solat lima waktu, solat rawatib dan solat tahajud sejak baligh hingga baginda mangkat. Solat tahajud adalah kewajipan yang tidak ditinggalkannya dalam setiap perjuangannya. Baginda juga sering berpuasa sunat dan akan berpuasa walaupun berada di medan perang. Sultan Muhammad al-Fatih juga akan memastikan tentera-tenteranya mengerjakan solat fardhu, solat tahajud dan berzikir pada setiap malam sepanjang waktu peperangan. Ini bagi menguatkan spiritual seseorang pejuang agama dan yakin dengan pertolongan Allah SWT. Keimanan baginda juga dilihat daripada amalan sujud syukur yang dilakukannya. Contohnya sebaik sahaja tentera-tentera Islam berjaya menakluk Konstantinopel, baginda terus melakukan sujud syukur di kota tersebut. Baginda juga mengisytiharkan gereja Aya Sophia ditukar peranannya kepada masjid.

Baginda juga seorang yang bijak dalam mengatur strategi peperangan. Baginda sentiasa merujuk dan mengikut strategi-strategi peperangan yang dilakukan oleh Rasulullah SAW. Contohnya, Sultan Muhammad al-Fatih mengarahkan tentera-tenteranya agar menggunakan jalan yang tidak pernah dilalui orang ketika menuju ke medan perang bagi mengelirukan pihak musuh. Baginda juga membuat penyamaran dan menghantar perisikan untuk mendapatkan maklumat berkaitan kekuatan serta kelemahan dalaman pihak Konstantinopel (Najmuddin, 2011). Contohnya maklumat mengenai ketebalan tembok dua lapis kota Konstantinopel, kelemahan Greek Fire dan isu-isu semasa politik yang dijangka tidak memihak kepada Raja Konstantinopel. Selain daripada itu, baginda menyediakan 140 buah kapal perang, peralatan senjata terkini seperti pembuatan meriam dan melatih angkatan tentera seramai 200,000 orang. Baginda juga menjalinkan hubungan diplomatik dengan negara-negara jiran seperti Asia kecil, Anatolia, negara-negara Balkan, Galata, Venesia, Walachia, Hungaria dan Genoa (Windianto, Marwoto & Kamaruddin (2013). Kehebatan baginda dalam strategi peperangan terserlah apabila baginda berjaya melancarkan 70 buah kapal melalui jalan darat iaitu dari Tophane ke Kasimpasa dan berjaya dilabuhkan di Tanduk Emas (Golden Horn) yang jaraknya sejauh tiga batu (Mehmet Maksudoğlu, 1999) bagi mengelakkan armada perang tersebut melalui jalan laut yang direntang rantai besi, sehingga sarjana barat mengklasifikasikannya sebagai strategi peperangan terbaik di dunia. Kejayaan ini

juga telah menyemarakkan semangat jihad tentera-tentera Islam dan menghilangkan keyakinan tentera-tentera Byzantium (Najmuddin, 2011).



Rajah 1: Model kapal dan laluan berbukit yang ditolak oleh tentera Sultan Muhammad al-Fatih (Muzium Tentera, Istanbul)  
Sumber: Najmuddin, 2011

Sultan Muhammad al-Fatih merupakan seorang yang bersemangat waja dan tidak mudah berputus asa. Pada peringkat awal, tentera-tentera Islam menyerang dari arah Timur kota Konstantinopel, namun kekuatan benteng pertahanan kota Konstantinopel tidak dapat ditembusi. Ramai tentera-tentera Islam yang syahid. Manakala melalui jalan laut pula, Sultan Muhammad al-Fatih mendapati tentera-tentera lautnya tidak dapat menembusi selat Tanduk Emas kerana pasukan Constantine telah merentang rantai di sepanjang teluk. Jika kapal terus belayar maka kapal akan pecah. Pelbagai usaha dilakukan untuk menembusi rantai itu namun gagal. Sultan Muhammad al-Fatih tetap tidak berputus asa. Baginda pasti pada setiap kesulitan tentu ada jalan penyelesaian di samping baginda terus berdoa memohon pertolongan daripada Allah SWT. Akhirnya baginda mendapat idea untuk memindahkan kapal-kapal tersebut melalui daratan. Tentera-tenteranya menarik kapal-kapal layar melalui jalan darat dengan meletakkan kayu-kayu yang dilumurkan minyak agar licin. Seterusnya satu demi satu kapal-kapal



perang berjaya digerakkan. Dalam tempoh satu malam sahaja, sebanyak 70 buah kapal perang berjaya melepasi rantai tersebut. Ini menghairankan tentera-tentera Konstantinopel (Abdul Latip, 2010).

Selain daripada itu, Sultan Muhammad al-Fatih adalah seorang yang bertoleransi dan bersikap menghormati. Sultan Muhammad al-Fatih melarang tentera-tenteranya dari menganiaya golongan wanita, kanak-kanak dan orang tua yang tidak terlibat dalam peperangan. Selepas Konstantinopel berjaya ditakluk, baginda memberikan pilihan kepada rakyat konstantinopel sama ada ingin memeluk Islam atau kekal berfahaman kristian ortodoks. Golongan wanita, kanak-kanak, orang-orang tua dan orang-orang yang tidak menyertai peperangan dibebaskan (Windianto, Marwoto & Kamaruddin (2013). Mereka dibenarkan tinggal di Konstantinopel atau boleh keluar dari kota tersebut dengan jaminan keamanan. Sultan Muhammad al-Fatih juga turut melantik ketua bagi komuniti Kristian Istanbul (Najmuddin, 2011).

Personaliti Sultan Muhammad al-Fatih juga terserlah dari sifatnya yang tawaduk (merendah diri) dan tidak angkuh. Hal ini digambarkan ketika pembinaan tembok Rumeli Hissari (Tinggi 20 hasta, lebar sembilan hasta, panjang 5,000 hasta) baginda membuka serban untuk mengangkat batu dan pasir bersama-sama pasukannya yang lain (Windianto, 2013). Tindakan ini menjadi ikutan ulama dan menterinya untuk sama-sama bekerja membina benteng pertahanan negara. Selain daripada itu, Sultan Muhammad al-Fatih sentiasa berbincang dengan orang-orang bawahannya sebelum membuat sebarang keputusan terutama berkaitan hal-hal kenegaraan, bahkan baginda menerima pendapat hatta daripada seorang pengawal istana. Baginda juga sangat cintakan ulama dan akan merujuk gurunya iaitu Sheikh Syamsuddin Al-Walli sebelum memutuskan sesuatu perkara.

### **Kesimpulan**

Personaliti seseorang muslim dilihat daripada aspek ketaqwaan dan keimanan kepada Allah SWT. Inilah kekuatan yang ada pada Sultan Muhammad al-Fatih, yang mana dapat membentuk keperibadian hebat dan jati diri yang unggul. Bertitik tolak daripada ketaqwaannya itu, Sultan Muhammad al-Fatih berjaya membentuk pasukan tentera yang tangkas, berani syahid dan beriman kepada Allah SWT, sehinggalah tentera-tentera

Islam di bawah kepimpinannya berjaya menakluk kota Konstantinopel. Personaliti yang unggul ini tentu sekali perlu diteladani oleh seluruh ummah bagi memartabatkan Islam di mata dunia.

Selepas Sultan Muhammad Al-Fatih memerintah selama 30 tahun iaitu bermula tahun 1451 hingga 1481, baginda telah mangkat ketika berusia 49 tahun pada 3 Mei 1481 (Sarkowi, 2016), manakala punca kematiannya tidak diketahui secara jelas sehingga kini.

### Rujukan:

- Abdul Latip Talib. (2010). *Sultan Muhammad Al-Fatih Penakluk Konstantinopel*. Selangor: PTS Litera Utama Sdn. Bhd.
- Al-Ghazali, Abu Hamid. (1999). *Ihya' `Ulum al-Din*. Kaherah: Dar al-Fajr li al-Turath.
- Arnold Toynbee. (1972). *A Study of History*. London: Oxford University Press, Thames and Hudson Ltd.
- Fariza Md Sham, Salasiah Hanin Hamjah & Mohd Jurari Sharifudin. (2013). *Personaliti Islam Dari Perspektif Al-Ghazali*. Bangi: Penerbit Ukm.
- Ibn Khaldun. (2001). *Mukaddimah*. Pustaka Al-Kautsar: Jakarta Timur.
- Mehmet Maksudoglu (1999), *Osmanlı History 1289 – 1922 Based on Osmanlı Sources*, Selangor, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia hlm. 76.
- Mohammad Ghozali & Nor 'Azzah Kamri (2015). Keperibadian Islam Dan Profesionalisme Dalam Pekerjaan: Satu Analisis Teoritis. *Jurnal Syariah, Jil. 23, Bil. 2 (2015) 255-286*.
- Mohd Nasir, O. (2005). *Akhlaq Dan Kaunseling Islam*. Utusan Publications & Distributors Sdn.
- Mohd Roslan M.N. & Nor Shakila M.N. (2012). Perang Salib dan Kejayaan Salahuddin al-Ayubi Mengembalikan IslamicJerusalem kepada Umat Islam. *Jurnal al-Tamaddun Bil. 7(1) 2012, 61 - 74*
- Mursi, Muhammad Said. (2008). *Tokoh-Tokoh Besar Islam Sepanjang Sejarah*. Jakarta: Pustaka Al-Kautsar
- Mutiara Dewi Sari (2016). *Personaliti Pengguna Muslim Dan Pengaruhnya Terhadap Pemilihan Institusi Perbankan Islam Di Kabupaten Kampar, Provinsi Riau, Indonesia*. Tesis Phd. Usm. Unpublished.
- Najmuddin bin Mohd Nawawi. (2011). *Pelajar Dinamik, Penjana Generasi Madani: Teladan Sultan Muhammad Al-Fatih*. Dibentangkan pada Konvensyen Pelajar Islam Kelantan 2011 bertempat di Dewan Kompleks Masjid al-Hikmah, Pengkalan Chepa, Kelantan pada 18 Jun 2011.
- Nor 'Azzah Kamri(2011). Model Pengurusan dan Kepimpinan Muhammad Al-Fateh Dalam Pemerintahan Kerajaan Uthmaniyyah, dalam Mohd Roslan Mohd Nor dan Mohamad Zamri bin Mohamad Shapik (peny.), *Baldatun Toyiybah Model Uthmaniyyah*, Selangor, PUM Caw. Selangor hlm. 101
- Nursuhada Md Arifin & Kamariah Kamarudin (2017). Personaliti Islam Menurut Perspektif Al-Ghazali Dalam Novel *Tuhan Lebih Sainifik* Karya Farhan Hadi. *Jurnal Manu Bil. 25, 1-21, 2017*
- Rohizan Ya, Ab. Halim Tamuri, Mohd Musnizam Jaafar, Khairul Najah Abd Rahim, & Mohd Hishamuddin Abd Hamid. (2012). *Peranan Guru Pendidikan Islam Menerusi Falsafah Pendidikan Islam Dalam Membentuk Kemenjadian Individu Murid Yang Berakhlak*. Fakulti Pendidikan, Ukm Bangi.
- Sarkowi. (2016). Peranan Muhammad Al-Fatih dalam Penaklukan Konstantinopel Tahun 1453 Masihi. *Jurnal Criksetra, volume 5, Nombor 10. pp. 147-157*.

- Shahabuddin, H., & Rohizani, Y. (2007). *Teori Personaliti Dari Perspektif Islam, Timur & Barat*. Selangor: PTS Litera Utama Sdn. Bhd
- Syed Naquib al-Attas. (1977). *Islam Fahaman Agama dan Asas Akhlak*. Kuala Lumpur: ABIM.
- Windianto Windianto, Marwoto S. & Kamaruddin. (2013). *Peranan Muhammad Al-Fatih dalam Penaklukan Konstantinopel Tahun 1453*. Unpublished.
- Zulhilmi M.N., Syed Najihuddin S.H. & Nidzamuddin Z. (2008). *Sumbangan ilmuwan Islam Terpilih dalam Sektor berkaitan Pertanian*. Seminar Kebangsaan Kecemerlangan Tamadun Islam dalam Agro, Sains dan Teknologi, 1-2 April 2008. Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.